

Newspaper
Date

Berita Harian
7 February 2016

'Tindakan tegas terhadap Dr Mahathir'

» *Tulisan bersifat menghasut rakyat bangkit perasaan tidak setia*

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Polis perlu mengambil tindakan tegas terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad kerana menulis kata-kata yang bersifat menghasut rakyat untuk membenci dan menghina Yang di-Pertuan Agong, sistem pentadbiran negara dan badan kehakiman.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata kegagalan polis mengambil tindakan terhadap bekas Perdana Menteri itu seolah-olah memperlihatkan pasukan keselamatan mengambil tindakan pilih kasih.

Katanya, Perkara 8 Perlemba-

gaan Persekutuan mengisytiharkan semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan Dr Mahathir jangan merasakan sebagai bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO beliau boleh terlepas dikenakan tindakan undang-undang.

"Tun Dr Mahathir jangan ingat beliau kebal daripada kuasa undang-undang dan berani menentang undang-undang dalam cubaan beliau menolak kepemimpinan Perdana Menteri," katanya dalam catatan terbaharu di akaun Facebooknya mengulas tulisan Dr Mahathir dalam blog *cedet.cc* bertajuk 'Peguam Negara Kepada Peguam Negara'.

Annuar yang juga Pengerusi MARA berkata, Dr Mahathir sepatutnya tahu bahawa tulisannya itu jelas bersifat menghasut kerana ketika menjadi Perdana Menteri, menggunakan undang-undang mendakwa orang di atas kesalahan yang sama.

Bangkit perasaan tak setia

Katanya, jelas sekali Dr Mahathir dalam tulisannya sengaja mendatangkan kebencian atau peng-



Annuar Musa

hinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan, satu kesalahan di bawah Perkara 3 (1) (c) Akta Hasutan 1948.

Selain itu, katanya dakwaan Dr Mahathir bahawa 'Peguam Negara ketika sudah dilantik oleh Perdana Menteri melalui maklumat kurang tepat yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong' juga bersifat menghasut melanggar Perkara 3 (1) (a) Akta

Hasutan 1948, iaitu mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan.

"Malah dakwaan Dr Mahathir itu sememangnya adalah satu penghinaan kepada Yang di-Pertuan Agong, menunjukkan seolah-olah Yang di-Pertuan Agong adalah seorang bodoh yang boleh dengan saja diperdayakan," katanya.

Annuar berkata, beliau tidak begitu pasti apa tujuan sebenar Dr Mahathir menulis sebegitu, mungkin untuk menggerakkan sokongan bagi menjatuhkan Perdana Menteri atau dengan sengaja menjemput pihak berkuasa mengambil tindakan terhadapnya untuk mendapatkan simpati ramai.

"Katanya, Dr Mahathir kini tidak mempunyai asas moral untuk berceramah atau merungut mengenai sistem perundangan dan kehakiman negara ini kerana beliau sebenarnya yang merosakannya melalui kes pemecatan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, dan Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Wan

Suleiman Pawanteh dan Datuk George Seah pada 1988.

Salahkan diri sendiri

"Jika ada pun apa-apa cacat cela dengan sistem sekarang, beliau patut menyalahkan diri beliau sendiri kerana beliau yang mengasaskannya. Pada masa sama tuduhan Dr Mahathir tidak disertakan dengan apa-apa bukti sekalipun, sangatlah dikesali kerana ia tidak menepati kedudukan beliau sebagai seorang Negarawan.

"Sedangkan dalam perkara ini, Peguam Negara mempunyai keistimewaan dan mempunyai akses penuh kepada semua kertas siasatan yang membolehkan beliau membuat keputusan tepat mengenai isu berbangkit, manakala Dr Mahathir tidak mempunyai akses berkenaan.

"Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan memberikan budi bicara mutlak kepada Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan' dan bahawa budi bicara ini tidak boleh dicabar dalam mahkamah!," katanya.

BH - 7/2/2016